



## KALAU BERJUANG DI MEDIA SOSIAL PUN KITA BERKIRA, DI JALANAN PUN TAKUT-TAKUT, ENTAHLAH...

Kata Ustaz Azhar Idrus saat ditanya apakah hukum pijak bendera Israel? "Hukumnya tak salah! Pijaklah! Kerana mereka telah melampaui batas terhadap umat Islam." Tambah Ustaz Azhar lagi, sesiapa yang tidak ada kebencian terhadap Yahudi ini, dan dia tidak sebut kebenciannya itu di dalam sembahyangnya, sembahyangnya tidak sah. Ada di dalam ayat Al-Fatihah:

غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ

"Boleh buka kitab Qurtubi, , tafsir Ibnu, Jamal dan seumpamanya, ayat tersebut ialah umul yahud, orang-orang yahudi, yang Allah benci, yang wajib kita sebut dalam sembahyang kita 17 kali sehari. Maka, apalah sangat dengan kebencian yang kita pameran dengan hanya pijak bendera mereka."

## Kalau Allah Terang-Terang Dah Benci, Kenapa Kita Pilih Untuk Neutral?

Ini bukan peperangan biasa-biasa, bukan membabitkan dua pasukan yang sama-sama salah, bukan juga tentang perebutan duniawi. Bukan atas kepentingan satu pihak. Ia tentang perjuangan mempertahankan maruah Islam, hak mutlak saudara seislam kita, ia berkaitan tanah suci dan rumah ibadah umat Islam yang ingin dirampas.

Adakah kita masih mahu bersikap atas pagar? Adakah konon mahu bersikap bencikan peperangan, kita menutup mata rapat-rapat? Adakah kerana kamu atau keluarga kamu tidak terlibat, maka kamu bersikap tidak ambil peduli? Kamu menganggap tangisan anak-anak kecil yang luka berdarah, dihentak konkrit, terburai isi perut dek dibom di Palestin itu sebagai normal?

Kamu melihat lelaki-lelaki Palestin diseksa, dibunuh dengan brutal sebagai okey-okey saja? Kamu lihat jeritan isteri yang menjadi balu sebagai takdir semata? Kamu lihat anak-anak yang kehilangan mak ayah sebaik bangun tidur, merintih mencaci susu ibunya sebagai drama telenovela?



Dan kamu di sini terus mampu melalui hari-hari indah dengan hati yang lapang. Melihat kesengsaraan yang disebarkan di media sosial... lalu scroll sahaja, tanpa ada rasa kebencian terhadap puka-puak Yahudi Israel itu. Tanpa terdetik mahu membantu hatta dengan derma yang puluh-puluh ringgit? Atau dengan sepotong doa? Atau dengan luahan kemarahan di media sosialmu? Atau menjajakan kebencian terhadap Zionist dengan laungan keras di perhimpunan di negaramu sendiri?



Masihkan kamu mampu tidak terdetik rasa benci, sakit hati dan dendam terhadap mereka yang memijak maruah Islam di sana?

## Hanya Satu Posting, Bimbang Hilang Follower?

Manusia yang hidup 'berkiblatkan' likes dan followers? Percayalah, hidup kalian sangat menyedihkan, lebih sedih daripada saudara kita di Palestin sana. Benar, kita tiada hak untuk memaksa sesiapa pun untuk menzahirkan sokongan kepada perjuangan mereka di sana, tetapi ingat apabila tiba saat kamu pula diuji, memerlukan bantuan orang di sekeliling, kamu tiada hak untuk menyalahkan sesiapa jika rintihan kamu tidak mahu didengari.

Kamu tiada hak untuk meminta doa daripada manusia lain jika kamu ditimpa musibah. Jangan ditagih orang untuk permudahkan urusan kamu andainya kamu berdepan kesulitan. Belajarlah untuk hidup sendiri bersama keluarga kamu saja. Susah senang sendirilah tanggung. Jangan harapkan bantuan orang keliling kerana bagi kamu setiap harimu adalah tentang diri kamu semata!



Kita tidak diminta untuk kekal di rumah yang bakal dibom, jauh sekali dipaksa untuk mengangkat senjata untuk menggempur askar Yahudi itu, hanya dengan muatnaik satu post tentang sokongan terhadap Palestin, itu pun kita tidak mampu lakukan? Atas alasan tidak mahu dilihat menyokong mana-mana pihak terutama yang melibatkan peperangan yang dilihat ganas? Bimbang hilang pengikut daripada golongan yang tidak menyokong apa yang kita sokong? Risau tidak mampu jana pendapatan? Gusar 'memburukkan' wall yang selama ini hanya memuatnaik content yang indah-indah saja? – Shame on you!

Ada pula yang membataskan perjuangan yang ingin dizahirkan di perhimpunan yang dianjurkan oleh persatuan tertentu yang kononnya pro Palestin? Tidak boleh itu, tidak boleh ini. Mahu menempiaskan kebencian kepada pembunuh perlu ada protokol? Mahu lepaskan sakit hati kepada si perampas hak orang Islam harus dengan sopan dan santun? Ini bukan perjuangan, ini perjumpaan – perjumpaan seronok-seronok, makan-makan, minum-minum, ambil gambar, kemudian pulang. Apa efeknya?



*Tergelak-gelaklah tentera Yahudi itu melihat kita!*

Ini yang katanya mahu bersama-sama bersolidariti untuk Palestin? Tak payah! Baik duduk diam-diam di rumah dan panjatkan doa atau sumbangkan sebanyak mungkin wang ringgit ke tabung derma untuk Gaza itu. Buat malu! Baru minta untuk jeritkan kebencian pun, kita sudah termangu-mangu, terkial-kial, acah-acah, takut kepada siapa? Lemah, sungguh kita bangsa yang lemah!



### **Masanya Untuk Bersatu, Buanglah Rasa 'Hanya Aku'**

Bersatulah seluruh manusia, bukan hanya yang Islam, tetap semua makhluk dunia yang ada rasa perikemanusiaan. Janganlah lagi berpegang pada sikap pentingkan diri. Hidup kita tidak akan sempurna jika berlangsung tentang diri kita sendiri. Kita memerlukan antara satu sama lain.



Percayalah pada rezeki yang Allah sudah tetapkan. Rezeki tidak mungkin hilang jika kita membantu sesama saudara yang memerlukan. Apakah guna rezeki yang berlimpahan itu jika tanpa keberkatan dan redaNya? Saya tidak tahu apakah jenis manusia yang mampu bergembira dengan kesedihan orang lain?

Bayangkan seketika... kalau anak kita dicubit orang secara tiba-tiba? Bukan hanya marah, pasti kita akan terus mengambil tindakan.

Bayangkan jika ada orang asing tiba-tiba mencero boh rumah kita lalu menghalau kita dari situ, adakah kita akan hanya biarkan?

Andaikan tiba-tiba orang datang tikam ibu ayah kita, adakah kita boleh lupakan sekelip mata? Tanpa ada rasa trauma atau dendam di hati?

Dan, setelah melalui derita demi derita, sengsara dan keperitaan yang maha berat, kita lihat di sebelah, kawan kita sedang ketawa gembira, berseronok bertemasya seperti langsung tidak simpati kepada kita yang sedang dipalit darah, luka, kelaparan dan kesakitan. Apakah rasa itu? Tolong nyatakan apakah rasanya itu?



**REZEKI TIDAK  
MUNGKIN  
HILANG JIKA  
KITA MEMBANTU  
SESAMA  
SAUDARA YANG  
MEMERLUKAN.**